

**KADAR CELIK IT (IT LITERACY) DI KALANGAN SISWA SISWI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

MAZELAN BIN MUSTAPA

**Penyelidikan Akademik yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)
(Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib)**

**FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
NOVEMBER 1999**

PENGHARGAAN

Penghargaan ini didahului dengan ucapan syukur kepada yang Maha Esa, kerana memberi kudrat dan iradatNya kepadaku untuk menyiapkan projek penyelidikan ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memberikan tujuk ajar, bimbingan dan kerjasama dalam menjayakan penyelidikan ini, terutamanya kepada Pensyarah Penasihat, Prof. Dr. Szarina Abdullah. Segala tunjuk ajar, teguran dan budi baik beliau telah banyak membantu saya untuk menyempurnakan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada kedua-dua Ibumama saya diatas segala sokongan, pengorbanan dan semangat yang diberikan sepanjang pengajian saya di UiTM.

Akhir sekali, penghargaan juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu saya di dalam menyiapkan penyelidikan terakhir saya dan sepanjang berada di UiTM. Budi dan jasa baik semua akan tetap dikenang ke akhir hayat.

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan dikalangan pelajar dari 3 fakulti terpilih di UiTM iaitu Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat, Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang serta Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Sejumlah 99 responden iaitu 36 siswa dan 63 siswi telah menjawab soalan-soalan di dalam borang soal selidik yang telah diedarkan. Didapati bahawa siswi mempunyai kadar literasi IT lebih tinggi dari siswa di semua tahap literasi. Kadar literasi IT yang tinggi juga didapati dikalangan pelajar dari fakulti yang memperuntukkan lebih subjek IT dalam sukatan pelajaran berbanding pelajar dari fakulti yang kurang memperuntukkan subjek IT dalam sukatan pelajaran. Penyelidikan ini turut mendapati siswa dan siswi sama-sama mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk tujuan IT. Penggunaan IT didapati memainkan peranan amat penting dalam pembelajaran. Didapati juga siswa siswi dari fakulti yang kurang memperuntukkan subjek IT di dalam sukatan pelajaran menunjukkan peratusan yang tinggi untuk penggunaan komputer di Kafe Siber dan di rumah.

KANDUNGAN MUKA SURAT

Kandungan	Muka surat
Penghargaan.....	i
Kandungan muka surat.....	ii
Senarai jadual.....	iv
Senarai rajah.....	vi
Abstrak.....	vii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Penyelidikan	2
1.3 Objektif	5
1.4 Pernyataan Masalah	6
1.5 Skop Penyelidikan	7
1.6 Signifikan Penyelidikan	10
1.7 Hipotesis	11
BAB 2 ULASAN PENYELIDIKAN	
2.1 Penyelidikan Berkaitan	12
2.2 Literasi IT	17
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN	
3.1 Kaedah Penyelidikan	19
3.2 Ujian Rintis	20
3.3 Pengumpulan Data	20
3.4 Penganalisaan Data	21
BAB 4 PENEMUAN PENYELIDIKAN	
4.1 Pendahuluan	23
4.2 Profail Responden	24
4.2.1 Jantina	24
4.2.2 Fakulti	25
4.3 Pengujian Hipotesis	26
4.3.1 Kadar Literasi IT Diantara Siswa Dan Siswi	26

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Selepas revolusi pertanian dan revolusi perindustrian, dunia melalui pula revolusi maklumat yang banyak mengubah nilai dan budaya manusia. Gelombang ketiga revolusi teknologi maklumat (IT) ini menjadikan masa kian pantas bergerak dan jarak semakin dekat. Perkembangan ini telah mengubah cara manusia berfikir dan bertindak.

Teknologi maklumat merupakan teknologi yang menggunakan mikroelektronik dalam produk, pemprosesan pembuatan dan sistem dalam ertikata yang luas. Peralatan yang digunakan untuk tujuan ini telah meningkat maju dalam menghasilkan kapasiti, saiz dan harga. Perubahan yang dihasilkan daripada teknologi maklumat ini akan menjadi faktor aktif kepada perubahan awal bagi masyarakat moden.(Larsen, 1986)

Secara umum, IT adalah gabungan perolehan, penyaluran dan penyampaian maklumat daripada sumber kepada sasaran. IT amat luas skopnya dan merangkumi pelbagai disiplin yang berinteraksi sesamanya dengan cara yang kompleks.